

PM minta semua pihak noktahkan isu perkauman

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua kaum menoktahkan isu perkauman, seterusnya bergerak ke hadapan dalam memastikan negara terus stabil.

Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata langkah itu juga dapat menjamin perpaduan antara kaum di negara ini kekal mekar dan harmoni.

“Perdana Menteri turut menzahirkan penghargaan kepada pihak yang menghentikan sebarang unsur negatif atau cubaan mengeruhkan lagi keadaan,” katanya melalui Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri (PMO).

Dalam pada itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri ketika majlis terbuka puasa bersama dengan pengamal media kelmarin, turut bertemu trio penyampai radio Era FM yang sebelum ini terpalit isu memperسدakan upacara agama lain.

“Dalam kesempatan yang ada, beliau berikan nasihat dan berpesan sentiasa membawa mesej perpaduan dalam tugas harian di tempat mereka iaitu di stesen radio berkenaan.

“Alhamdulillah, mesej diberikan itu bukan hanya menjerumus kepada mereka (penyampai radio) tetapi kepada semua pihak supaya dapat bersama menjadi ejen perpaduan dan membantu usaha Kerajaan MADANI menyatukan seluruh rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang, kaum dan bangsa,” katanya.

Sementara itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memberi penjelasan kepada rakyat mengenai perbezaan hukuman dan kompaun dikenakan dalam beberapa kes membabitkan isu perkauman.

Beliau berkata, Perdana Menteri menegaskan semua pihak perlu faham akan perubahan akta dan undang-undang sudah diluluskan sebelum ini menyebabkan berlaku perbezaan hukuman dan kompaun dikenakan.

“Sebarang tanggapan atau perkongsian maklumat tidak tepat dalam hal ini hanya akan mencetuskan persepsi tidak sihat di kala kita semua dituntut untuk terus menyemai benih keharmonian dan kesejahteraan masyarakat,” katanya.